

26 APR 1997

Sanusi-Lapangan Terbang

KEDAH CADANG LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DI PROJEK TAMBAK LAUT

ALOR SETAR, 26 April (Bernama) -- Kedah akan membuat cadangan kepada kerajaan pusat untuk membina sebuah lapangan terbang antarabangsa di kawasan utara projek tambak lautnya.

Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid berkata, cadangan membina lapangan terbang itu diutarakan oleh Syarikat Samudera Baru Darul Aman Sdn. Bhd. (Samudera Baru), syarikat yang dipilih untuk memajukan dua daripada sembilan pakej projek tambak laut sepanjang 100 km di pesisir pantai Kedah.

"Walaupun ia cadangan pihak swasta, kerajaan perlu membawa perkara itu kepada peringkat pusat kerana pembinaannya memerlukan kelulusan pelbagai pihak di peringkat itu," katanya.

"Saya menaruh keyakinan yang kerajaan pusat akan meluluskannya," kata beliau pada persidangan berita di sini, hari ini.

Samudera Baru ketika memberi taklimat semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ahad lepas, mencadangkan lapangan terbang antarabangsa itu dibina di Fasa 1 projek itu. Fasa 1 turut menempatkan kompleks perindustrian bersepadu, pelabuhan kontena, terminal kapal pelancongan dan stesen janakuasa.

Projek tambak laut yang dipercayai terbesar di dunia dengan melibatkan perbelanjaan RM30,000 akan dimajukan sebagai kawasan perindustrian, komersil, pekan dan perumahan.

Projek yang dijangka siap menjelang tahun 2020 itu akan mempunyai kawasan tambakan seluas 12,800 hektar.

Sanusi berkata Kedah harus bersedia menghadapi kepesatan pembangunan abad ke-21 dan pembinaan lapangan terbang itu amat diperlukan untuk memajukan sektor industri.

Sekiranya projek lapangan terbang itu diluluskan, segala perkara berkaitan pembinaan lapangan terbang itu akan diuruskan oleh Samudera Baru.

Kerajaan Pulau Pinang sebelum ini ada mengemukakan cadangan membina lapangan terbang antarabangsa di Seberang Perai bagi menggantikan Lapangan Terbang Bayan Lepas.

Bagaimanapun kerajaan pusat tidak bersetuju dengan cadangan itu dan sehingga kini tiada keputusan lanjut diputuskan oleh Pulau Pinang.

"Saya percaya cadangan Samudera Baru itu merupakan projek yang berdaya maju," katanya. -- BERNAMA

MZM PR